

20/08/2004

Pusat informasi pertama pelancong dilancar

PUTRAJAYA: Pusat informasi pertama di Putrajaya di tempat letak kereta Parcel B, Presint Satu dilancarkan semalam bagi membantu pelancong mendapatkan maklumat terkini mengenai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd Isa Samad, berkata pelancong atau pelawat boleh mendapatkan pelbagai maklumat seperti petunjuk arah atau peta, bahan bercetak berkaitan taman awam, tempat menarik, pejabat kerajaan dan kalendar aktiviti anjuran Perbadanan Putrajaya.

"Pembukaan pusat itu selari usaha Perbadanan Putrajaya menjadikan bandar raya ini destinasi pelancongan bertaraf dunia," katanya pada majlis pelancaran Pusat Informasi Putrajaya di sini, petang semalam.

Beliau mahu setiap rakyat Malaysia berbangga kehebatan Putrajaya yang menggabungkan reka bentuk Islam dan Melayu tradisional.

"Jika bangsa China berbangga dengan Kota Larangan, Arab dengan Kota Baghdad dan kaum Inca di Amerika Syarikat dengan Kota Sacasahuman, kita boleh berbangga dengan kota agung kita sendiri, Putrajaya," katanya.

Bandar raya cetusan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang dibina dalam kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) itu dilengkapi teknologi tinggi kerana kerajaan mahu menjadikannya sebagai kota bestari pertama di dunia.

Pusat maklumat yang beroperasi setiap hari itu turut menjual pelbagai cenderamata.

Statistik Perbadanan Putrajaya sehingga akhir Julai 2004, menunjukkan seramai 233,036 orang berkunjung ke Putrajaya, berbanding 269,991 pada akhir Julai 2003.

"Daripada jumlah itu, 166,844 orang yang berkunjung ke Putrajaya adalah pelawat asing, berbanding 118,553 orang sehingga akhir Julai 2003.

"Tetapi secara keseluruhannya setiap tahun pelawat yang berkunjung ke Putrajaya sentiasa meningkat," katanya.

(END)